

U GB 06-11 00187 BA542

Bah

MAHATHIR : KUB TIDAK HARUS TERLALU BERGANTUNG KEPADA UMNO
Mahathir - KUB

KUALA LUMFUR ,6Nov(Bername) --Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Berhad (KUB) supaya tidak terlalu bergantung kepada UMNO untuk maju.

Sebaliknya, Perdana Menteri mahu KUB, yang majoriti ahlinya terdiri daripada anggota UMNO, tidak terlalu berharap kepada bantuan politik tetapi berdikari dan tekun berusaha untuk membangunkan koperasi itu.

Ketika berucap melancarkan Gerakan Kempen Tambah Ahli KUB di sini, beliau juga mengingatkan pucuk pimpinan koperasi itu supaya bersikap amanah dan jujur dalam pengurusan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau tidak akan teragak-agak untuk meminta Badan Pencegah Rasuah menjalankan siasatan sekiranya terdapat kecurigaan dalam pengurusan kewangan KUB.

Perdana Menteri berkata sekiranya KUB ditadbir secara profesional, bijak dan bersih maka dalam pengurusan dan anggotanya pula tekun berusaha, beliau yakin koperasi itu akan maju.

KUB yang didirikan pada 1977 atas inisiatif UMNO bagi meningkatkan penyertaan orang Melayu khususnya anggota parti itu dalam kegiatan koperasi, kini dalam proses pemulihan selepas mengalami krisis kewangan sejak beberapa tahun lepas. -- Lagi.

♥06/11/19-29MST

U GB 06-11 00123 BA547

Bah

Mahathir - KUB 2 Kuala Lumpur

Dalam ucapannya, Datuk Seri Dr Mahathir juga membidas sikap sesetengah usahawan Bumiputera yang beliau kategorikan sebagai "menjual peluang-peluang" yang diberikan oleh kerajaan.

Beliau berkata mereka yang "terbabithanya berminat untuk mendapat keuntungan cepat tetapi kecil", dengan "menjual" peluang-peluang perniagaan seperti kontrak kepada bangsa asing.

"Dengan menjual peluang ini, kita (orang Melayu) menjadi bodoh dan jahil dalam bidang perniagaan," katanya.

Perdana Menteri juga membidas orang Melayu dan Bumiputera yang terlalu bergantung kepada kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

Katanya, kerajaan menyediakan pelbagai keistimewaan kepada orang Melayu dan Bumiputera termasuk di bawah Dasar Pembangunan Nasional, tetapi mereka sendiri perlu bersungguh-sungguh dan tekun berusaha. -- Lagi.

♥06/11/19-41MST

R GB 06-11 00064 BA551

Bah

Mahathir - KUB 3 Kuala Lumpur

Dalam kempen SF: 1 amatiga tahun ini, KUB menetapkan matlamat untuk menambah ahli KUB daripada 112,000 kepada 250,000 orang dan menambah modal saham secara purata daripada \$116 kepada \$1,000 seorang.

Pada majlis itu, Perdana Menteri juga melancarkan logo baru KUB dengan cogan kata "Satu Permulaan Semula". -- Bernama.

♥06/11/19-54MST